



UiTM@Media

2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

Muslihat berpakaian sembunyi bentuk tubuh

Bijak menata gaya bantu penampilan sempurna, mengagumkan

Tanya diri sendiri gaya apa yang dimahukan untuk memastikan penampilan anggun, sempurna dan memikat.

Soalan ringkas seperti siapakah saya, pakaian bagaimakah sesuai dengan gaya hidup saya, rekaan pakaian yang paling suka akan membantu cara berpakaian khususnya untuk menghadiri majlis, ke pejabat, bersantai dan sebagainya.

Tumpuan utama pilih yang bersesuaian dengan bentuk tubuh dan ada cara untuk menyembunyikan kekurangan pada penampilan.

Panduan asas muslihat berpakaian untuk semua individu:

1 Tumpukan pada badan yang bermasalah

Kadangkala kerana terlalu muh menyembunyikannya dengan pelbagai cara, menjadikan ia lebih jelas dan menarik pandangan sinis masyarakat.

2 Warna senada (*monochromatic*)

Memberikan ilusi ketinggian dan dapat membuatkan tubuh seseorang kelihatan lebih seimbang.

3 Warna gelap

Warna membuatkan anda nampak ramping. Jalur melintang membuatkan anda lebih lebar, manakala jalur menegak secara visualnya memanangkan badan.



Bersama
Faizal Hamid

Pensyarah kanan di Jabatan Fesyen, UiTM, Shah Alam dan pakar perunding fesyen
emel : faizalhamid1971@yahoo.com

info.

Bentuk tubuh

→ Ideal

Jika perbandingan antara tinggi dan berat badan seimbang. Bentuk tubuh ini diinginkan setiap orang kerana pakai apa saja fesyen pakaian akan tampak menarik.

→ Kurus

Jika berat badannya kurang dari berat ideal.

→ Gemuk

Jika berat badannya lebih dari berat ideal.



BERSAMUNG
DI SEBELAH



mentor



Pastikan corak dan rekaan sesuai

→ **Wanita bertubuh badan kecil (petite bodies)**

Gaya pakaian ditempah mengikut ukuran badan. Elakkan pakaian yang terlalu besar, potongan berkotak, banyak lipatan dan menggunakan banyak fabrik kerana ia akan menenggelamkan badan yang kecil.

1 Aksesori

Pilihlah aksesori dengan teliti. Wanita kecil molek akan nampak semak dengan aksesori yang terlalu besar.

2 Tali pinggang

Pilih tali pinggang yang saiznya kecil bukan besar.

3 Gaun

Oleh kerana padanan baju dan seluar ataupun skirt yang betul potongan untuk wanita bersaiz kecil memang sukar didapati, memakai gaun adalah jalan penyelesaian yang tepat.

4 Rambut potongan close-cropped

Menjadikan kepala anda nampak lebih kecil dan secara tidak langsung memberikan ilusi tubuh lebih panjang.

5 Reka corak

Reka corak yang besar boleh menenggelamkan si kecil molek, elakkan motif berpetak, polka dots dan jalur.



6 Elak potongan skirt A-line

Pilihan fabrik keras dan tegang akan mewujudkan siluet yang tidak menarik. Skirt potongan lurus pilihan yang tepat kerana ia dapat memberikan ilusi ketinggian yang menawan.

→ **Wanita bertubuh gempal**

Fabrik Potongan yang longgar, panjang, berlapis-lapis daripada fabrik jenis ringan amat sesuai.

1 Elakkan motif, reka corak besar.

Perlu diingat warna gelap menjadikan kita langsing. Jika ingin menambah warna terang, pakailah blazer yang panjang, sedikit sendat, skaf atau rompi dalam rona itu.

2 Beg

Elakkan beg galas yang besar dan tebal kerana kedudukannya yang terletak di tengah bahagian badan akan menarik perhatian pada bahagian itu, sebaliknya, bawalah beg genggam kerana ia akan mlarikan pandangan daripada bahagian badan.

3 Tali pinggang

Untuk bentuk badan hourglass, tali pinggang

dapat memperlihatkan dengan jelas bahagian yang paling ramping.

4 Perhiasan

Rantai panjang, loket dan anting-anting yang berjuntai menjadikan wajah kelihatan panjang. Pin atau kerongsang yang disematkan di bahu boleh mengalihkan perhatian daripada pinggang yang lebar.

Jika leher tebal elakkan perhiasan yang tumpuannya ke arah itu, contohnya choker, sebaliknya hanya satu aksesori.

5 Seluar

Elakkan seluar potongan lurus. Pilih seluar potongan penuh dan ditambah atasnya rompi dan blaus ataupun sweater besar yang lembut.

6 Blazer

Dapat menutup bahagian punggung.

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

